Pilihan raya Sabah: Musa serah kepada Perdana Menteri

BH 23/6/03

KOTA KINABALU: Barisan Nasional (BN) Sabah menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan masa sesuai bagi mengadakan pilihan raya negeri sebelum pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 12 April depan.

Pengerusinya, Datuk Musa Aman, berkata ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa tidak akan ada sebarang pilihan raya sebelum persaraan beliau pada Oktober ini, akan dijadikan panduan.

"Bila Perdana Menteri kata, tidak ada pilihan raya sebelum beliau bersara, maka sudah tentu ia menjadi panduan kita. Terpulanglah kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan masa sesuai," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung Umno minggu lalu, bahawa tidak akan ada pilihan raya sebelum beliau bersara.

Meskipun kenyataan itu dilihat merujuk khusus kepada pilihan raya umum, namun pemerhati politik di sini, menyifatkan ia juga membabitkan pilihan raya negeri Sabah.

Musa yang juga Ketua Menteri bagaimanapun berkata jentera pilihan raya BN Sabah sudah bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum dan negeri pada bila-bila masa.

"Kita sememangnya sudah lama bersedia dan akan menggerakkan jentera pilihan raya bila-bila masa saja, bila mendapat arahan dari pucuk pimpinan parti," katanya.

Musa berkata, Umno Sabah akan mengadakan kempen penerangan kepada pemimpin dan ahli di peringkat akar umbi berkenaan arahan Presiden parti agar mereka yang tidak terpilih sebagai calon pilihan raya tidak kecewa atau marah sehingga mensabotaj parti.